

Kesejahteraan ekonomi, sosial rakyat Malaysia naik 2.5 peratus

Tahap kesejahteraan rakyat Malaysia meningkat 2.5 peratus pada 2022 disumbangkan pertumbuhan positif kesejahteraan ekonomi dan sosial, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2022.

Kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan dan persekitaran kerja.

Kesejahteraan sosial pula meliputi sembilan komponen iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kesejahteraan rakyat Malaysia pada 2022 dalam fasa endemik dan pemulihan COVID-19.

Beliau berkata, peralihan negara ke fasa endemik yang bermula April 2022 dengan pembukaan semula ekonomi secara berperingkat memberi impak positif kepada kedua-dua subkomposit.

Katanya, ini membolehkan prestasi IKRM pada 2022 meningkat 2.5 peratus kepada 121.2 mata berbanding 118.3 mata pada 2021.

"Kedua-dua subkomposit menunjukkan peningkatan pada 2022. Subkomposit kesejahteraan ekonomi merekodkan peningkatan 3.6 peratus pada 2022 kepada 130.0 mata berbanding 125.5 mata pada 2021 dan subkomposit kese-

jahteraan sosial pula meningkat 1.8 peratus kepada 116.4 mata berbanding 114.3 mata pada tempoh yang sama," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Uzir menambah, pertumbuhan positif kesejahteraan rakyat Malaysia disumbangkan peningkatan 11 daripada 14 komponen ekonomi dan sosial pada 2022.

"Tiga komponen tertinggi yang menyumbang kepada peningkatan IKRM adalah hiburan dan rekreasi (20.8 peratus), pengangkutan (8.0 peratus) dan kebudayaan (6.5 peratus)," katanya.

Sementara itu, Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri (IKRN) mengambil kira 14 komponen dan 63 indikator merangkumi 24 indikator ekonomi dan 39 indikator sosial.

Secara keseluruhan, prestasi

IKRN bagi semua negeri mencatatkan kenaikan mata indeks pada 2022.

Tiga negeri mencatatkan mata indeks tertinggi ialah Perlis dengan 2.9 mata indeks kepada 115.2 mata pada 2022 berbanding 112.3 mata pada 2021, diikuti Sarawak 2.8 mata indeks kepada 119.5 mata pada 2022 berbanding 116.7 mata pada 2021 dan Perak 2.4 mata indeks kepada 118.5 mata berbanding 116.1 mata pada tempoh sama.

Dari segi subkomposit ekonomi, semua negeri merekodkan peningkatan mata indeks.

Tiga negeri yang mencatatkan mata indeks tertinggi adalah Perlis dengan kenaikan 7.6 mata indeks kepada 123.5 mata pada 2022.

Ini diikuti Sabah dan Perak masing-masing meningkat 5 mata indeks dan 4 mata indeks kepada

128.2 dan 128.9 mata pada tempoh yang sama.

Ini didorong pertumbuhan positif dalam komponen pendapatan dan pengagihan, pengangkutan dan pendidikan.

Dari perspektif subkomposit sosial, didapati 10 daripada 14 negeri menunjukkan peningkatan mata indeks.

Tiga negeri yang mencatatkan mata indeks tertinggi adalah Sarawak dengan 2 mata indeks kepada 112.2 mata pada 2022, diikuti Wilayah Persekutuan meningkat 2 mata indeks kepada 111.1 mata.

Seterusnya, Perak 1.2 mata indeks kepada 112.8 mata pada 2022. Penyumbang utama kepada kenaikan mata indeks di tiga negeri ini adalah komponen hiburan dan rekreasi dan komponen kebudayaan.

